

BI1M diperluas di setiap UTC

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Program Bahasa Inggeris 1Malaysia (BI1M) akan terus diperluaskan ke seluruh negara terutama ke kawasan pedalaman dan desa bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat besar daripada program tersebut.

Program inisiatif NBOS itu berjaya diikuti oleh 10,600 peserta pada tahun ini.

Walaupun pada awalnya Kementerian Kewangan hanya menasarkkan 3,400 peserta, namun berjaya mengeluarkan sebanyak 8,400 graduan dengan penambahan 340 peratus daripada sasaran asal.

Justeru, Aminuddin berkata, jumlah tersebut membuktikan rakyat Malaysia di kawasan pedalaman mahukan akses untuk mempelajari bahasa Inggeris.

"Kelas tambahan tersebut terbuka kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang, umur, taraf pendidikan, kerjaya, suri rumah, pelajar, lepasan universiti dan sesiapa sahaja, mereka sangat dialu-alukan untuk mengikuti program itu dan ia adalah percuma.

"Melalui program ini, kita dapat melihat perubahan besar terutama dalam kalangan operator inap desa dan peniaga. Mereka lebih yakin menggunakan bahasa kedua itu untuk mempromosi



perniagaan mereka.

"Bukan itu sahaja, peniaga pisang goreng dan roti canai di kawasan tumpuan pelancong juga semakin mahir berbahasa Inggeris," katanya.

Aminuddin berpuas hati dengan kejayaan program itu apabila mendapati peserta berjaya menguasai bahasa Inggeris di samping melibatkan diri dalam bidang sosial ekonomi.

Menurutnya, kejayaan itu juga sekali gus memberi gambaran baik berhubung peranan UTC yang berjaya diperkasakan.

"Kita akan pastikan kelas tambahan ini akan dilaksanakan di setiap UTC atau pusat komuniti seperti di Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

"Menyedari hakikat UTC amat popular dalam kalangan

masyarakat, jadi kita melihat UTC sebagai lokasi paling strategik dan mudah untuk mereka yang ingin memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris," ujarinya.

Tambahnya, program coding di sekolah juga akan diperkasakan sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum sekolah rendah dengan melatih serta mengembangkan kemahiran murid dalam menyelesaikan masalah melalui pengaturcaraan komputer.

Di samping itu, program tersebut akan dapat membimbing murid untuk mencipta kod perisian yang berupaya meningkatkan kreativiti mereka dalam membangunkan pelbagai bentuk aplikasi sejajar usaha kerajaan untuk melahirkan lebih banyak usahawan muda dalam bidang teknologi.